

SR/01/03/2023

KHAMIS, 2 MAC 2023

Abang Johari menyeru rakyat Sarawak sentiasa berwaspada dengan kemungkinan banjir

KUCHING, 2 Mac – Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg menyeru rakyat Sarawak agar sentiasa berwaspada dengan kemungkinan banjir yang dijangka akan berlaku pada bila-bila masa sahaja sehingga 15 Mac nanti.

Katanya, di (kawasan) Batu Kawa ada sedikit pengurangan (terjejas banjir) dan tidak seperti pada tahun-tahun yang lepas dengan adanya benteng di Kampung Rantau Panjang.

“Saya rasa selepas benteng ini siap, kita dapat mempertahankan kampung-kampung daripada banjir kilat,” katanya semasa mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hua Batu Kawa di sini, hari ini.

Menurut Abang Johari, kerajaan negeri ketika ini sedang melaksanakan satu kajian menyeluruh dalam usaha memperbaiki sistem saliran sedia ada dan akan mengadaptasi sistem saliran terbaik dunia termasuk dari negara Belanda bagi menangani banjir di negara tersebut.

“Belanda merupakan sebuah negara yang berada di bawah paras laut dan mempunyai sistem yang baik dan mungkin boleh kita gunakan di Sarawak.

"Timbalan Premier Sarawak, Dato Sri Dr Sim Kui Hian telah mengetuai misi melaksanakan kajian tersebut di Belanda baru-baru ini dan kita akan laksanakan sistem baharu ini secara berperingkat bermula di Kuching terlebih dahulu, kemudian ke bahagian seterusnya yang berisiko banjir," jelas beliau lagi.

Abang Johari berkata, projek sistem saliran baharu tersebut bakal melibatkan satu peruntukan besar, namun kerajaan bersedia memberi komitmen bagi menyelesaikan masalah banjir.

Terdahulu, Abang Johari mendengar taklimat berkenaan operasi di PPS SJK Chung Hua Batu Kawa yang menempatkan 80 mangsa terjejas banjir daripada 19 keluarga oleh Penolong Pesuruhjaya (Pertahanan Awam), Abdul Wahab Rahim.

Turut hadir semasa lawatan ialah Timbalan Premier Sarawak, Datuk Sri Dr Sim Kui Hian. – **TAMAT**-

Disediakan Oleh: Toslin Meyub (BMKK)

Foto oleh: Chua Shim Choon & Lance Dunstan (BKVS)

GAMBAR PENERANGAN MENUNJUKKAN

Foto 1: Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Openg menandatangani buku pelawat sejurus ketibaan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hua Batu Kawa.

Foto 2: Penolong Pesuruhjaya (Pertahanan Awam), Abdul Wahab Rahim (kiri) menyampaikan taklimat berkenaan operasi di PPS SJK Chung Hua Batu Kawa.

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Tingkat 1, Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako

Petrajaya 93050, Kuching, Sarawak

Tel : (08) 2319 700 Fax : (08) 2319 711 e-mel : pensarawak@inform.gov.my

Foto 3: Abang Johari menyampaikan sumbangan keperluan harian kepada mangsa terjejas banjir yang berada di PPS SJK Chung Hua Batu Kawa.

Foto 4 & 5: Abang Johari melawat penghuni PPS SJK Chung Hua Batu Kawa.